


## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 MEI 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 26

### Struktur semula ekonomi Malaysia



#### PENGAPUNGAN HARGA BAHAN API DAN SUBSIDI BERSARASAR

# STRUKTUR SEMULA EKONOMI MALAYSIA

Oleh Sri Ayu Kartika Amri  
kartika@hmetro.com.my

#### Kuala Lumpur

**P**engapungan harga bahan api dan subsidi bersasar yang bakal dilaksanakan kerajaan tidak lama lagi dilihat mampu menstrukturkan kembali ekonomi negara bagi jangka panjang.

Penganalisis Ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School Prof Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, jumlah subsidi bahan api pada 2022 berjumlah RM51 billion melebihi 60 peratus

daripada jumlah keseluruhan subsidi yang ditanggung kerajaan.

"Sekiranya ia dapat dijmikatkan, wang itu dapat digunakan dengan lebih bijak seperti bantuan tunai langsung kepada warganegara Malaysia dan juga penyediaan infrastruktur yang lebih banyak dan berkualiti kepada rakyat seperti hospital, sistem pengangkutan awam, pendidikan dan sebagainya.

"Penjimatan daripada pemberian subsidi secara

pukal yang berlaku akan membantu kerajaan mengurangkan defisit kepada 43 peratus di atas perbelanjaan tahunannya, sekali gus mengurangkan hutang negara yang sekarang berjumlah sekitar RM1.2 trillion," kata-

Justeru, beliau berkata, tindakan kerajaan pada awalnya dilihat akan memberi kesulitan pada peringkat awal perubahan ini dibuat, antaranya rantaian nilai bekalan barang akan meningkat secara langsung kepada sektor pengangkutan, runcit, restoran dan pelbagai lagi.

"Bagaimanapun, kebaikan utama dalam jangka pendek adalah kepada kerajaan, iaitu dapat mestruktur semula ekonomi negara daripada belanja subsidi yang tinggi sekarang, meringankan beban kewangan, menurunkan hutang dan defisit perbelanjaan," katanya.

“  
Hutang negara yang sekarang berjumlah sekitar RM1.2 trillion  
Dr Aimi Zulhazmi

bersamaan dengan pertambahan subsidi pukal setiap tahun yang memberi kesan negatif kepada ekonomi negara dan pasti, ia tidak harus berterusan selamanya.